



## KENYATAAN MEDIA

### UNTUK SIARAN SEGERA

#### SULTANAH KELANTAN KURNIA SUMBANGAN AKAUN SIMPAN SSPN KEPADA PELAJAR ASNAF

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai agensi tabung pendidikan tinggi utama negara di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa prihatin membantu masyarakat terutamanya golongan asnaf melalui pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat (CSR).
2. PTPTN telah melaksanakan Majlis Pengurniaan Sumbangan Akaun Simpan SSPN kepada Pelajar Asnaf Negeri Kelantan pada hari ini bertempat di Dewan Bunga Emas, Hotel Perdana Kota Bharu, Kelantan pada 25 Mac 2024. Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Diana Petra Abdullah, Sultanah Kelantan telah mencemar duli berangkat ke majlis tersebut. Turut hadir YBhg. Dato' Norasni Ayob, Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN, YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, YBM Dato Tengku Ahmad Farizanudean Al Haj, Anggota Majlis Perajaan Negeri Kelantan, YDH CP Dato' Muhammad Zaki bin Haji Harun, Ketua Polis Negeri Kelantan, YBhg. Dato' Haji Mohd Zamri bin Haji Abdul Aziz, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan Puan Wan Zawiah Wan Abu Bakar, Pengurus Besar Kanan PTPTN.
3. Melalui program ini, Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Diana Petra Abdullah, Sultanah Kelantan telah mengurniakan sumbangan akaun Simpan SSPN Prime berjumlah RM30,000.00 kepada pelajar asnaf di Kelantan dengan peruntukan wakalah zakat PTPTN Negeri Kelantan. Sumbangan ini akan memberi manfaat kepada 300 pelajar asnaf dengan setiap pelajar menerima RM100.00 dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime.
4. Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata "PTPTN sentiasa komited dalam menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi memastikan masyarakat terutama golongan memerlukan tidak tercincir daripada arus pendidikan tinggi disebabkan masalah kewangan."

5. "Dalam memastikan peluang kejayaan untuk semua, PTPTN terus menumpukan kepada usaha membudayakan amalan penabungan agar masyarakat khususnya ibu bapa mengutamakan perancangan kewangan untuk kelangsungan pendidikan tinggi anak-anak. Menjadi hasrat PTPTN untuk mentransformasikan minda masyarakat dari bergantung kepada pinjaman kepada budaya menyimpan supaya anak-anak tidak dibebani hutang setelah tamat pengajian."
6. "Saya berharap melalui penabungan ini dapat membantu pelajar asnaf untuk meneruskan pendidikan ke peringkat lebih tinggi, mempunyai masa depan yang terjamin sekali gus meningkatkan taraf hidup keluarga," ujar beliau lagi.
7. PTPTN telah mewujudkan instrumen simpanan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) sebagai platform terbaik untuk menggalakkan masyarakat membuat perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan tinggi. Simpan SSPN menyediakan pelbagai keistimewaan untuk manfaat kepada masyarakat Malaysia seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, dividen yang kompetitif, Geran Sepadan secara percuma sehingga RM10,000 bagi satu keluarga yang layak, patuh syariah dan dijamin kerajaan.
8. Diharapkan sumbangan ini dapat membantu meringankan beban hidup golongan yang memerlukan, meningkatkan motivasi anak-anak untuk terus mencipta kejayaan dalam akademik dan sahsiah sekali gus menjadi modal insan berguna kepada agama, bangsa dan negara. PTPTN akan terus komited dalam meningkatkan pelaksanaan program-program CSR demi pembangunan anak bangsa selari dengan moto PTPTN, Peluang Kejayaan Anda dan *tagline* PTPTN Prihatin : Kami Kongsi, Kami Bantu.